



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2020

www.spa.gov.my





**SIDANG
EDITORIAL**
EDITORIAL
BOARD

SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama
Zainal Rahim bin Seman

PENASIHAT

YBhg. Datuk Zohari bin Said
Datuk Haji Ikhbal Hanam bin Mukras
Haji Ghazali bin Hizam

PASUKAN EDITORIAL

Asrul Shuhada binti Mohd Salleh
Anis binti Mohd Mokhtar
Tuan Ahmad Fakhruddin bin Tuan Rosdi
Norhazliza binti Mohd Nasir
Salmiah binti Umar

JAWATANKUASA BACAAN PRUF

Mohd Safrie bin Zakaria
Asfah binti Asmara
Mohammad Azhari bin Salleh
Mohammad Nasrol bin Mat Nasir
Wan Zulhazmi bin Wan Yusof

JURUFOTO KERJASAMA KHAS

Padzil bin Sanom

PENGHARGAAN

Ahli-Ahli Suruhanjaya
Bahagian Pengambilan
Bahagian Pengambilan Khas
Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib
Bahagian Perkhidmatan
Bahagian Penilaian Kompetensi
Bahagian Digital dan Informatik
Bahagian Urus Setia Mesyuarat
Bahagian Khidmat Pengurusan
Unit Perhubungan Korporat
Urus Setia SPA Cawangan Sarawak
Urus Setia SPA Cawangan Sabah
Penasihat Undang-Undang
Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan
Kehakiman dan Perundangan
Unit Integriti

EDITORIAL BOARD

PATRON

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama
Zainal Rahim bin Seman

ADVISORS

YBhg. Datuk Zohari bin Said
Datuk Haji Ikhbal Hanam bin Mukras
Haji Ghazali bin Hizam

EDITORIAL TEAM

Asrul Shuhada binti Mohd Salleh
Anis binti Mohd Mokhtar
Tuan Ahmad Fakhruddin bin Tuan Rosdi
Norhazliza binti Mohd Nasir
Salmiah binti Umar

PROOFREADING COMMITTEE

Mohd Safrie bin Zakaria
Asfah binti Asmara
Mohammad Azhari bin Salleh
Mohammad Nasrol bin Mat Nasir
Wan Zulhazmi bin Wan Yusof


SPECIAL COLLABORATION PHOTOGRAPHER

Padzil bin Sanom

ACKNOWLEDGEMENTS

Members of the Commission
Recruitment Division
Special Recruitment Division
Promotional and Disciplinary Division
Service Division
Competency Assessment Division
Digital and Informatics Division
Meeting Secretariat Division
Management Services Division
Corporate Communications Unit
PSC Sarawak Branch Secretariat
PSC Sabah Branch Secretariat
Legal Advisor
Judicial and Legal Services
Commission Secretariat
Integrity Unit

VISI VISION



Menjadi Pihak Berkuasa Melantik yang berintegriti, dinamik dan profesional dalam urusan pelantikan dan urusan perkhidmatan penjawat awam.

To become the Appointing Authority with integrity, dynamic and professional in appointment matters and public personnel service matters.

MISI MISSION



Melantik penjawat awam yang berintegriti dan kompeten melalui penilaian yang holistik dan melaksanakan urusan perkhidmatan penjawat awam secara cekap dan berkesan.

To appoint public service personnel of integrity and competent through holistic assessment as well as to manage public personnel service matters efficiently and effectively.

MOTO MOTTO

Mudah, Cepat, Tepat.
Convenient, Prompt, Accurate.



KANDUNGAN

Visi, Misi & Moto	03	Vission, Mission & Motto
Perutusan Pengerusi	05	Message from the Chairman
Prakata Setiausaha	09	Foreword by the Secretary
Ringkasan Eksekutif	13	Executive Summary
Latar Belakang	17	Background
Ahli-Ahli Suruhanjaya	21	Members of the Commission
Urus Setia Suruhanjaya	25	Secretariat of the Commission
Pengenalan	31	Introduction
Pusat Temu Duga	37	Interview Centres
Pencapaian 2020	41	Achievements of 2020
Kaedah Pengambilan	51	Recruitment Method
Urusan Pelantikan	57	Appointment Matters
Galeri SPA (Januari - Mac)	87	PSC Gallery (January - March)
Urusan Perkhidmatan	107	Service Matters
Galeri SPA (April - Jun)	125	PSC Gallery (April-June)
Kenaikan Pangkat & Kawalan Tatatertib	135	Promotional and Disciplinary Control
Galeri SPA (Julai - September)	141	PSC Gallery (July-September)
Pelaksanaan & Pembangunan ICT	163	ICT Implementation & Development
Galeri SPA (Oktober - Disember)	181	PSC Gallery (October-December)
Mesyuarat Suruhanjaya	195	Commission Meetings
Bajet	197	Budget
Lagu SPA	199	PSC Song

CONTENTS



PERUTUSAN PENGERUSI

MESSAGE
FROM THE
CHAIRMAN

PERUTUSAN PENGERUSI MESSAGE FROM THE CHAIRMAN



6

PERUTUSAN PENGERUSI
MESSAGE FROM THE CHAIRMAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Di kesempatan ini, saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas keizinan dan kurniaNya, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah berjaya menggalas tanggungjawab yang diamanahkan sepanjang tahun 2020 iaitu melaksanakan fungsi - fungsinya mengikut peruntukan Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan.

Assalamualaikum and Salam Sejahtera.

I wish to take this opportunity to express my gratitude to Allah SWT for with His blessings, the Public Services Commission of Malaysia (PSC) has successfully carried out the duty entrusted in 2020, which was to perform its functions according to the provisions of Article 144(1) of the Federal Constitution.

Dalam menjalankan fungsinya melantik pegawai awam dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, negeri Melaka, Pulau Pinang, Perlis, Negeri Sembilan, SPA melaksanakan kaedah pengambilan dan pelantikan berdasarkan merit dan kompetensi seseorang calon. Kaedah pelantikan ini bertujuan untuk memastikan hanya calon yang berkualiti dan menepati kriteria yang ditetapkan sahaja dilantik ke dalam Perkhidmatan Awam. Di samping itu, ia juga bagi memastikan semua calon diberi peluang yang sama untuk dipertimbangkan melalui persaingan yang terbuka dan adil.

Bagi memastikan proses pengambilan dan pelantikan penjawat awam dilaksanakan dengan lebih cekap, SPA sentiasa membangunkan sistem ICT seiring dengan perkembangan teknologi terkini khususnya di era Revolusi Industri 4.0.

Pada tahun 2020, SPA telah membangunkan Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9) bagi menggantikan Sistem SPA8i. Sistem SPA9 menekankan integrasi data pemohon dengan pelbagai kementerian/jabatan bagi meningkatkan integriti data pemohon selain untuk lebih memudahkan proses permohonan pekerjaan.

Selain urusan pengambilan dan pelantikan penjawat awam, SPA juga berjaya melaksanakan fungsinya dalam urusan perkhidmatan iaitu mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, pertukaran perkhidmatan dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam membantu SPA menjayakan fungsi yang diamanahkan kepadanya. Semoga segala usaha yang kita lakukan diberkati oleh Allah S.W.T. jua.

Salam hormat dan selamat maju jaya.

In appointing officers to the Federal General Public Service, State of Malacca, Penang, Perlis and Negeri Sembilan, the PSC carried out recruitment and appointment based on merit and competency of the candidate. This method of appointment is aimed at ensuring that only candidates of quality who meet the prescribed criteria are appointed to the public service. In addition, it ensures that all candidates are given the same opportunity for consideration through open and fair competition.

In order to ensure for an implementation of a more efficient process in recruitment and appointment of public service personnel is implemented more efficiently, the PSC has consistently developed its ICT system with state-of-the-art technology especially in the Industrial Revolution 4.0 era.

In 2020, the PSC developed the Public Services Commission of Malaysia Employment Registration System (SPA9) to replace the SPA8i System. The SPA9 system emphasizes the integration of applicant data with various ministries/ departments to improve the integrity of applicant data as well as to facilitate the job application process.

In addition to the recruitment and appointment of public service personnel, the PSC also succeeded in performing its function in service matters i.e confirmation, placement in permanent or pensionable positions, promotion, transfer of service and disciplinary control over personnel for services within its jurisdiction.

In conclusion, I take this opportunity to record my greatest appreciation to everyone involved in assisting the PSC to successfully carry out the functions entrusted to it. May all that we do be blessed by Allah SWT.

Thank you.

YBHG. TAN SRI DATO' SERI UTAMA ZAINAL RAHIM BIN SEMAN

Pengerusi *Chairman*
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Services Commission of Malaysia





**PRAKATA
SETIAUSAHA**
FOREWORD BY
THE SECRETARY

PRAKATA SETIAUSAHA FOREWORD BY THE SECRETARY



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas izin dan kurniaNya, SPA telah berjaya melaksanakan fungsi-fungsi yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan seterusnya direkodkan dalam Laporan Tahunan SPA 2020 ini.

Assalamualaikum and Salam Sejahtera.

All praise to Allah SWT for with His blessings, the Public Services Commission (PSC) of Malaysia succeeded in carrying out its functions as stipulated in the Federal Constitution, which are consequentially recorded in this PSC Annual Report for 2020.

Sepanjang tahun 2020, SPA telah memproses sebanyak 1,703,896 permohonan yang berdaftar di dalam Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA9) melalui Sistem Mengambil Sepanjang Masa (SMSM). Daripada jumlah tersebut, seramai 120,541 calon berjaya melepasi tapisan dan dipanggil temu duga, dengan seramai 15,518 calon telah ditawarkan pelantikan tetap. Selain itu, SPA juga telah menguruskan pelantikan secara kontrak seramai 4,600 calon dan juga pelantikan kontrak bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Farmasi dan Pegawai Pergigian seramai 9,952 orang sekaligus menjadikan jumlah pelantikan keseluruhan pada tahun 2020 adalah seramai 30,070 orang.

Selain itu, seramai 11,607 pegawai telah disahkan dalam perkhidmatan dan seramai 14,219 pegawai diberi taraf berpencen dalam tempoh yang sama. SPA juga telah memutuskan sebanyak 117 kes tindakan tatatertib dan 284 kes rayuan tatatertib.

Dalam mempertimbangkan semua urusan tersebut, SPA telah mengadakan 28 kali Mesyuarat Suruhanjaya, 28 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib dan 26 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat melibatkan 3,091 kertas Suruhanjaya sepanjang tahun 2020.

Kecemerlangan secara berterusan yang dicapai oleh SPA ini pastinya disokong oleh semangat kerja berpasukan, integriti, prinsip akauntabiliti dan profesional yang sentiasa menjadi pegangan setiap warga SPA.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga SPA dalam menyumbang kepada kejayaan SPA pada tahun ini. Segala kejayaan ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa kerjasama, komitmen, dedikasi dan disiplin yang tinggi seluruh warga SPA.

Sekian, terima kasih.

Throughout 2020, the PSC processed a total of 1,703,896 applications registered in its Public Services Commission Employment Registration System (SPA9) through its Continuous Recruitment System (SMSM). Out of this, 120,541 candidates successfully cleared the screening and were called for an interview, with 15,518 then being offered permanent appointments. Furthermore, the PSC managed the contract of 4,600 candidates and also contract appointments on 9,952 Medical Officers, Pharmacy Officers and Dental Officers, thus establishing the overall total number of appointments for 2020 at 30,070.

Moreover, in the same period, as many as 11,607 officers were confirmed in service and 14,219 conferred pensionable status. The PSC also had to decide on 117 disciplinary cases and 284 cases of disciplinary appeal.

In order to consider all these matters, the PSC held 28 Commission Meetings, 28 Disciplinary Appeal Board Meetings and 26 Promotion Appeal Board Meetings involving 3,091 Commission papers in 2020.

The continuing excellence of the PSC is undoubtedly supported by the spirit of teamwork, integrity, principle of accountability and professionalism held consistently by all PSC personnel.

In conclusion, I wish to express my deepest gratitude and highest appreciation to all PSC personnel for their contribution to the success of the PSC this year. This success would not have been possible without the exceptional cooperation, commitment, dedication and discipline among PSC personnel.

Thank you.

YBHG. DATUK ZOHARI BIN SAID
Setiausaha *Secretary*
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Services Commission of Malaysia





RINGKASAN EKSEKUTIF EXECUTIVE SUMMARY

RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Tahunan SPA ini disediakan sebagai memenuhi peruntukan Perkara 146(1) Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki Suruhanjaya menyediakan suatu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinannya dibentangkan di kedua-dua Dewan Parlimen.

SPA telah ditubuhkan di bawah Perkara 139(1) Perlembagaan Persekutuan sebagai sebuah badan bebas yang dipertanggungjawabkan dengan fungsi melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota dalam perkhidmatan di bawah bidang kuasanya mengikut peruntukan Perkara 144 (1) Perlembagaan Persekutuan.

Untuk membolehkan Suruhanjaya melaksanakan semua fungsi yang diamanahkan kepadanya, Perkara 139(4) Perlembagaan Persekutuan menetapkan ahlinya terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak lebih 30 orang ahli (minimum 4 orang). Ahli Suruhanjaya dibantu oleh urus setia yang diketuai oleh seorang Setiausaha.

EXECUTIVE SUMMARY

The PSC Annual Report is made available in fulfilment of the provision of Article 146(1) of the Federal Constitution which requires the Commission to present an annual report on its activities to His Majesty the King and a copy each to the two houses of Parliament.

The PSC was founded under Article 139(1) of the Federal Constitution as an independent body with the responsibility to appoint, confirm, place in permanent or pensionable status, promote, transfer and exercise disciplinary control over personnel in the services to which its jurisdiction extends according to Article 144(1) of the Federal Constitution.

In order to enable the Commission to implement all the functions entrusted to it, Article 139(4) of the Federal Constitution stipulates that its membership should comprise a Chairman, a Deputy Chairman and not more than 30 members (with a minimum of 4 members). Its members would be assisted by a secretariat headed by a Secretary.



Urusan Suruhanjaya sepanjang tahun 2020 adalah seperti berikut:

The list of activities of the Commission in 2020 are as follows:

BIL. / NO.	PERKARA / ACTIVITY	JUMLAH / TOTAL
URUSAN PELANTIKAN / APPOINTMENT		
1.	Bilangan permohonan diterima / <i>No. of applications received</i>	1,703,896
2.	Bilangan urusan pengambilan / <i>No. of recruitment exercises</i>	151
3.	Bilangan pelantikan tetap / <i>No. of permanent appointments</i>	15,518
4.	Bilangan pelantikan kontrak / <i>No. of contract appointments</i>	4,600
5.	Bilangan pelantikan kontrak Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi / <i>No. of contract appointments of Medical Officers, Dental Officers and Pharmacy Officers</i>	9,952
URUSAN PERKHIDMATAN / SERVICE		
6.	Bilangan pengesahan pelantikan / <i>No. of confirmation of appointments</i>	13,437
7.	Bilangan pengesahan dalam perkhidmatan / <i>No. of confirmations in service</i>	11,607
8.	Bilangan pelanjutan tempoh percubaan / <i>No. of extensions of probationary period</i>	694
9.	Bilangan pemberian taraf berpencen / <i>No. of conferments of pensionable status</i>	14,219
10.	Bilangan kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu / <i>No. of reinstatements in previous service scheme</i>	3
11.	Bilangan pembatalan tawaran pelantikan / <i>No. of revoked appointments</i>	3
12.	Bilangan penamatan perkhidmatan / <i>No. of terminations of service</i>	78
13.	Bilangan penentuan gaji permulaan / <i>No. of determination of initial salaries</i>	1,100
14.	Bilangan pertukaran perkhidmatan / <i>No. of transfers of service</i>	54
15.	Bilang pertukaran sementara, peminjaman dan pertukaran tetap / <i>No. of temporary transfers, secondments and permanent transfers</i>	513
16.	Bilangan pelepasan untuk peminjaman dan pertukaran pelantikan / <i>No. of approvals for secondments and transfers of appointments</i>	71
17.	Bilangan pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri / <i>No. of transfers of appointments based on self-application</i>	0
URUSAN KENAIKAN PANGKAT DAN TATATERTIB / PROMOTION AND DISCIPLINE		
18.	Bilangan kenaikan pangkat / <i>No. of promotions</i>	5
19.	Bilangan rayuan kenaikan pangkat / <i>No. of promotion appeals</i>	164
20.	Bilangan tindakan tatatertib / <i>No. of disciplinary actions</i>	117
21.	Bilangan rayuan tatatertib / <i>No. of disciplinary appeals</i>	284
URUSAN MESYUARAT / MEETING		
22.	Bilangan Mesyuarat SPA / <i>No. of Public Services Commission Meetings</i>	28
23.	Bilangan Mesyuarat Khas Suruhanjaya / <i>No. of Special Meetings of the Commission</i>	2
24.	Bilangan Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam / <i>No. of Public Services Disciplinary Appeal Board Meetings</i>	28
25.	Bilangan Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam / <i>No. of Public Services Promotion Appeal Board Meetings</i>	26





**LATAR
BELAKANG**
BACKGROUND

PENUBUHAN

SPA telah ditubuhkan mengikut Perkara 139 (1) Perlembagaan Persekutuan pada 31 Ogos 1957.

TUGAS-TUGAS SURUHANJAYA

Selaras dengan Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya bertanggungjawab:

- » Melantik
- » Mengesahkan
- » Memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen
- » Menaikkan pangkat
- » Menukar
- » Menjalankan kawalan tatatertib ke atas pegawai yang berada dalam perkhidmatan di bawah bidang kuasanya

BIDANG KUASA SURUHANJAYA

Bidang kuasa Suruhanjaya meliputi:

- » Pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan di bawah Perkara 132(1)(c) Perlembagaan Persekutuan
- » Anggota Perkhidmatan Awam Bersama yang am bagi Persekutuan dan bagi satu atau beberapa buah negeri yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan sebagai satu perkhidmatan awam di bawah Perkara 132(1)(f) Perlembagaan Persekutuan
- » Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Perlis dan Negeri Sembilan.

PENUBUHAN PIHAK BERKUASA TATATERTIB DAN KENAIKAN PANGKAT

Perkara 144(5B)(i) Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 3(3), *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1958* Negeri Perlis dan *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1959* Negeri Sembilan memperuntukkan bahawa semua kuasa dan tugas Suruhanjaya selain daripada kuasa membuat pelantikan pertama ke perjawatan tetap atau berpencen, boleh dijalankan oleh suatu lembaga yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Raja Pemerintah negeri berkenaan.

ESTABLISHMENT

The Public Services Commission (PSC) of Malaysia was established in accordance with Article 139(1) of the Federal Constitution on 31 August 1957.

DUTIES OF THE COMMISSION

In line with Article 144(1) of the Federal Constitution, the Commission has the responsibility to:

- » *Appoint*
- » *Confirm*
- » *Emplace on permanent or pensionable status*
- » *Promote*
- » *Transfer*
- » *Exercise disciplinary control over members of the service to which its jurisdiction extends*

JURISDICTION OF THE COMMISSION

The Commission's jurisdiction extends to:

- » *Officers of the General Public Services of the Federation under Article 132(1) (c) of the Federal Constitution*
- » *Members of the federal general joint public services and for any one or several of the states established by federal law as a public service under Article 132(1)(f) of the Federal Constitution*
- » *Members of the public services of the states of Malacca, Penang, Perlis and Negeri Sembilan*

ESTABLISHMENT OF ENFORCEMENT BODY FOR DISCIPLINARY CONTROL AND PROMOTION

Article 144(5B)(i) of the Federal Constitution as well as Section 3(3) of the State of Perlis Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1958 and the Negeri Sembilan Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1959 provide for the delegation of all the powers and duties of the Commission with the exception of making initial appointments for permanent or pensionable positions to be conducted by a board appointed by His Majesty the King or the ruler of the state in question.

Selaras dengan peruntukan tersebut, lembaga tata tertib dan lembaga kenaikan pangkat telah ditubuhkan di peringkat kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri yang berkenaan bagi menjalankan sebahagian kuasa dan fungsi Suruhanjaya berhubung kawalan tata tertib dan kenaikan pangkat.

WAKIL SURUHANJAYA DALAM SURUHANJAYA PASUKAN POLIS

Selaras dengan Perkara 140(3)(d) Perlembagaan Persekutuan, seorang Ahli Suruhanjaya iaitu YBhg. Dato' Sri Zool Azha bin Yusof telah dipilih mewakili SPA dalam Suruhanjaya Pasukan Polis bermula 1 September 2018 hingga kini.

KUASA SURUHANJAYA KE ATAS PERKHIDMATAN AWAM

1. Melaka dan Pulau Pinang

Kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai dalam Perkhidmatan Awam Negeri Melaka dan Pulau Pinang diperuntukkan di bawah Perkara 139(1) Perlembagaan Persekutuan.

2. Negeri Sembilan

Kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan telah diberikan melalui *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1959* Negeri Sembilan dan *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Order 1961* Negeri Sembilan selaras dengan peruntukan Perkara 139(2) Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sembilan. Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa meliputi semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan kecuali:

- » Pengelola Bijaya Diraja
- » Juruiring kepada Yang di-Pertuan Besar
- » Setiausaha Sulit kepada Yang di-Pertuan Besar
- » Pegawai Kerani kepada Undang
- » Penghulu

In line with the above provisions, the disciplinary and promotion boards were established at ministerial, departmental and state administrative levels to perform some of the powers and functions of the Commission related to discipline and promotion.

REPRESENTATIVE OF THE COMMISSION IN THE POLICE FORCE COMMISSION

In accordance with Article 140(3)(d) of the Federal Constitution, a member of the Commission, YBhg. Dato' Sri Zool Azha bin Yusof, was selected to represent the Public Services Commission in the Police Force Commission effective from 1 September 2018.

JURISDICTION OF THE COMMISSION OVER PUBLIC SERVICES

1. Malacca and Penang

The jurisdiction of the Commission over officers in the public services of Melaka and Penang is provided for under Article 139(1) of the Federal Constitution.

2. Negeri Sembilan

The jurisdiction of the Commission over officers in the Public Services of Negeri Sembilan is delegated through the Negeri Sembilan Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1959 and Negeri Sembilan Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Order 1961 in accordance with the provision in Article 139(2) of the Federal Constitution which was approved by the Negeri Sembilan State Legislative Assembly. The Commission has jurisdiction over all Negeri Sembilan Public Service personnel with the exception of:

- » Comptroller of the Royal Household
- » Aide-de-Camp of the Yang di-Pertuan Besar
- » Private Secretary to the Yang di-Pertuan Besar
- » Clerical Officer to a Ruling Chief
- » Headmen

3. Perlis

Selaras dengan peruntukan Perkara 139(2), Perlembagaan Persekutuan, kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Perlis telah diberikan melalui *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1958 Negeri Perlis* dan *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Order 1960 Negeri Perlis* yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis. Di bawah undang-undang ini, Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa ke atas semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Perlis kecuali:

- » Pegawai Agama di Jabatan Hal Ehwal Agama dan Adat Istiadat Melayu
- » Pegawai dalam Bahagian IV
- » Penghulu dan Penolong Penghulu
- » Pekerja bergaji hari

PENARIKAN BALIK PEWAKILAN KUASA DI BAWAH P.U.(B) 496/1997

Mulai 1 April 2014, SPA telah menarik semula kuasa yang diwakilkan kepada kementerian/jabatan/agensi sebagaimana dalam Suratcara Pewakilan Kuasa 1997 [P.U.(B) 496/1997]. Semua urusan pelantikan dan perkhidmatan bagi jawatan Gred 16 dan ke bawah dilaksanakan oleh SPA sepenuhnya.

3. Perlis

In accordance with the provision of Article 139(2) of the Federal Constitution, the powers of the Commission over the Perlis Public Service personnel are given through the Perlis Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1958 and Perlis Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Order 1960 which was approved by the Perlis State Legislative Assembly. Under these laws, the Commission has jurisdiction over all Perlis Public Service Personnel with the exception of:

- » *Religious officers in the Department of Religious Affairs and Malay Customs*
- » *Officers in Part IV*
- » *Headmen and Assistant Headmen*
- » *Daily-paid workers*

WITHDRAWAL OF DELEGATION OF AUTHORITY UNDER P.U.(B) 496/1997

Beginning 1 April 2014, the PSC had withdrawn all powers delegated to ministries/departments/agencies as stated in Instrument of Delegation of Power 1997 [P.U.(B) 496/1997]. All appointments and services for positions at grade 16 and below are fully carried out by the PSC.





**AHLI-AHLI
SURUHANJAYA
MEMBERS OF THE
COMMISSION**

AHLI-AHLI SURUHANJAYA MEMBERS OF THE COMMISSION



1

1 PENERUS
CHAIRMAN

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama
Zainal Rahim bin Seman



2

2 TIMBALAN PENERUS
DEPUTY CHAIRMAN

YBhg. Dato' Sri Zual Azha bin Yusof



3 YBhg. Dato' Abdul Ghafar bin Musa

4 YBhg. Datuk Yeow Chin Kiong

5 YBhg. Datuk Ir. Anjin Haji Ajik
(Sehingga 18.7.2020)

6 YBhg. Datuk Md Yahaya bin Basimin

7 YBhg. Datu Hajah Sutin binti Shamat

8 YBhg. Datuk Nor Rizan bin Mohd Thani



- 9** YBhg. Tan Sri Dato' Othman bin Mustapha
- 10** YBhg. Dato' Abdul Rahman bin Othman
- 11** YBhg. Datuk Seri Jayasiri a/l Jayasena

- 12** YBhg. Datuk Seri Jalil bin Marzuki
- 13** YBrs. Dr. Mohamad Zainuddi Bin Mat Taib
- 14** YBhg. Dato' Dr. Haji Azman Bin Abu Bakar



**URUS SETIA
SURUHANJAYA**
SECRETARIAT
OF THE
COMMISSION

URUS SETIA SURUHANJAYA SECRETARIAT OF THE COMMISSION



YBhg. Datuk Zohari bin Said
Setiausaha *Secretary*



**YBhg. Datuk Haji Ikhbal
Hanam bin Mukras**
Timbalan Setiausaha
(Perkhidmatan)
Deputy Secretary (Service)



**YBrs. Tuan Haji Ghazali
bin Hizam**
Timbalan Setiausaha
(Pengambilan)
*Deputy Secretary
(Recruitment)*



Encik Mohd Safrie bin Zakaria
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengambilan
Undersecretary
Recruitment Division



Puan Norazian binti Kamaruddin
Setiausaha Bahagian
Bahagian Naik Pangkat dan
Tatatertib
Undersecretary
Promotional and Disciplinary
Division



Puan Asfah binti Asmara
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengambilan Khas
Undersecretary
Special Recruitment Division



Encik Noor Hasim bin Ghani
Setiausaha Bahagian
Bahagian Digital dan Informatik
Undersecretary
Digital and Informatics Division



Encik Azaman bin Ahmad
Setiausaha Bahagian
Bahagian Penilaian
Kompetensi
(Sehingga 6.9.2020)
Undersecretary
Competency Assessment
Division
(Until 6.9.2020)



**Puan Anaresa binti
Muhammad Dain**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perkhidmatan
(Sehingga 3.8.2020)
Undersecretary
Service Division
(Until 3.8.2020)



Encik Ali Sadikin bin Sadin
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perkhidmatan
(Bermula 4.8.2020)
*Undersecretary
Service Division
(Start from 4.8.2020)*



**Puan Asrul Shuhada binti
Mohd Salleh**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar dan
Perancangan
*Undersecretary
Policy and Planning Division*



Puan Syahrizad binti Mahpar
Setiausaha Bahagian
Urus Setia Suruhanjaya
Perkhidmatan Kehakiman dan
Perundangan
*Undersecretary
Judicial and Legal Service
Commission Secretariat*



**Puan Ervinah Kebahi @
Syarafina Bt Ibrahim**
Setiausaha Bahagian
Urus Setia Cawangan Sabah
*Undersecretary
PSC Sabah Branch Secretariat*



Puan Suriani binti Saruji
Setiausaha Bahagian
Urus Setia Cawangan Sarawak
*Undersecretary
PSC Sarawak Branch Secretariat*



**Encik Mohammad Azhari
bin Salleh**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat
Pengurusan
*Undersecretary
Management Services
Division*



Encik Wan Zulhazmi bin Wan Yusof

Setiausaha Bahagian
Bahagian Urus Setia Mesyuarat
Undersecretary
Meeting Secretariat Division



Puan Salwa binti Mhd Asrar
Penasihat Undang-undang
Legal Advisor



Puan Norhaslily binti Che Ghani
Ketua Unit Perhubungan Korporat
Head of Corporate Communication
Unit



Encik Humaizie bin Ramly
Ketua Unit Integriti
Head of Integrity Unit



PETUNJUK ARAS UTAMA	
6	13
5	12
5	11
4	10
3	9
2	8
1	7

SURU



PENGENALAN INTRODUCTION


PENGENALAN

Urus Setia Suruhanjaya diketuai oleh seorang Setiausaha dengan dibantu oleh dua (2) orang Timbalan Setiausaha, 12 orang Setiausaha Bahagian, seorang Penasihat Undang-Undang, seorang Pegawai Perhubungan Korporat, seorang Pegawai Integriti serta 459 orang pegawai pelbagai jawatan dan gred. Urus Setia Suruhanjaya terletak di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya, Urus Setia Cawangan SPA di Kota Kinabalu bagi Negeri Sabah dan di Kuching bagi Negeri Sarawak.

INTRODUCTION

The Commission Secretariat is headed by a Secretary with the assistance of two (2) Deputy Secretaries, 12 Undersecretaries, a Legal Advisor, a Corporate Relation Officer, an Integrity Officer as well as 459 officers holding various positions and at different grades. The Commission Secretariat is located in the Federal Government Administrative Centre in Putrajaya with the PSC Branch Secretariat in Kota Kinabalu for Sabah and in Kuching for Sarawak.

32
PENGENALAN
INTRODUCTION



FUNGSI BAHAGIAN-BAHAGIAN

BAHAGIAN PENGAMBILAN

- » Menguruskan pengambilan dan pelantikan jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 29-40 (kelayakan Diploma/STPM) ke dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Bersama dan Perkhidmatan Awam Negeri-Negeri Melaka, Pulau Pinang, Perlis dan Negeri Sembilan.

BAHAGIAN PENGAMBILAN KHAS

- » Memproses dan mendaftarkan permohonan calon.
- » Menguruskan pemilihan calon memasuki Latihan Separa Perubatan.
- » Menguruskan pengambilan dan pelantikan jawatan Kumpulan Pelaksana Gred 19 dan ke bawah (kelayakan SPM dan PT3/PMR) ke dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Bersama dan Perkhidmatan Awam Negeri-Negeri Melaka, Pulau Pinang, Perlis dan Negeri Sembilan.

BAHAGIAN PENILAIAN KOMPETENSI

- » Menggubal dan menyediakan soalan peperiksaan dan ujian psikometrik.
- » Mengurus bank data soalan ujian aptitud dan psikometrik bagi Peperiksaan Memasuki Perkhidmatan Awam.
- » Mengurus dan mengendalikan Peperiksaan Memasuki Perkhidmatan Awam secara dalam talian.
- » Mengurus dan menyelaras urusan pemeriksaan fizikal, pancaindera dan ujian kecergasan bagi memasuki perkhidmatan awam.
- » Menyelaraskan dan memberi khidmat konsultasi bagi program Pusat Penilaian Kompetensi.

FUNCTIONS OF THE DIVISIONS

RECRUITMENT DIVISION

- » *To manage the recruitment and appointment of Management and Professional group and Executive group of grades 29-40 (diploma/STPM qualifications) positions to the General Public Services of the Federation, Joint Public Services and Public Services for the states of Melaka, Penang, Negeri Sembilan and Perlis.*

SPECIAL RECRUITMENT DIVISION

- » *To process and register the applications of candidates.*
- » *To manage the selection of candidates for Paramedical Training.*
- » *To manage the recruitment and appointment of the executive group of grades 19 and below (SPM and PT3/ PMR qualification) in the General Public Services of the Federation, Joint Public Services and Public Services of the states of Melaka, Penang, Negeri Sembilan and Perlis.*

COMPETENCY ASSESSMENT DIVISION

- » *To set and provide examination questions and psychometric tests.*
- » *To manage a databank of aptitude and psychometric test questions for the Public Service Entry Examinations (PSEE).*
- » *To manage and conduct online examinations for public service entrance examinations.*
- » *To manage and coordinate the administration of physical and sensory examinations and fitness tests for placement in the public service.*
- » *To coordinate and provide consultancy services for the Competency Assessment Centre programmes.*

BAHAGIAN DIGITAL DAN INFORMATIK

- » Membangun dan menyelenggara sistem aplikasi, portal dan multimedia.
- » Mentadbir dan mengurus pangkalan data.
- » Mentadbir dan mengurus rangkaian dan keselamatan ICT.
- » Mentadbir dan mengurus perolehan dan aset ICT.
- » Menyediakan latihan dan khidmat pengguna/ sokongan teknikal.

DIGITAL AND INFORMATICS DIVISION

- » *To develop and maintain the system for applications, portal and multimedia.*
- » *To administer and manage the database.*
- » *To administer and manage the ICT network and security.*
- » *To administer and manage ICT asset procurement.*
- » *To provide training and customer service/ technical support.*

BAHAGIAN PERKHIDMATAN

Menguruskan urusan-urusan perkhidmatan bagi:

- » Pengesahan pelantikan.
- » Penetapan gaji permulaan mengikut Peraturan 25 dan 26 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
- » Pelanjutan tempoh percubaan.
- » Pengesahan dalam perkhidmatan.
- » Pemberian taraf berpencen.
- » Kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu.
- » Penamatan perkhidmatan.
- » Pertukaran perkhidmatan.
- » Pertukaran pelantikan.
- » Pertukaran sementara/peminjaman.
- » Pelepasan untuk pertukaran pelantikan peminjaman.
- » Pembatalan tawaran pelantikan.
- » Pertukaran tetap.
- » Pelanjutan pertukaran sementara.

SERVICE DIVISION

To manage the services matters for:

- » *Confirmation of appointment.*
- » *Establishment of initial salaries according to regulations 25 and 26 of the Public Officers (Appointment, Promotion and Termination of Service) Regulations 2012.*
- » *Extension of the probationary period.*
- » *Confirmation of service.*
- » *Conferment of pensionable status.*
- » *Reinstatement to the previous service scheme.*
- » *Termination of service.*
- » *Transfer of service.*
- » *Transfer of appointment.*
- » *Temporary transfer/secondment.*
- » *Release for transfer of appointment/secondment.*
- » *Revocation of appointment offer.*
- » *Permanent transfer.*
- » *Extension of temporary transfer.*



BAHAGIAN NAIK PANGKAT DAN TATATERTIB

- » Menguruskan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat.
- » Menguruskan rayuan tatatertib.
- » Menguruskan kenaikan pangkat bagi Ahli-Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam.
- » Menguruskan rayuan kenaikan pangkat.

PROMOTIONAL AND DISCIPLINARY DIVISION

- » *To manage disciplinary action with intention for dismissal or reduction in rank.*
- » *To manage disciplinary appeals.*
- » *To manage promotion for members of the Public Service Promotion Board.*
- » *To manage promotion appeals.*

BAHAGIAN URUS SETIA MESYUARAT

Mengurusetikan:

- » Mesyuarat Suruhanjaya.
- » Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib.
- » Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat.
- » Mesyuarat Khas Suruhanjaya.
- » Persidangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.
- » Mengemaskini ketetapan SPA.

MEETING SECRETARIAT DIVISION

Administering:

- » *Meetings of the Commission.*
- » *Meetings of the Disciplinary Appeal Board.*
- » *Meetings of the Promotion Appeal Board.*
- » *Special Meetings of the Commissions.*
- » *Conferences of the Public Services Commission.*
- » *Updating of PSC rulings.*

BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN

- » Merancang dan menyelaras pelaksanaan Pelan Strategik SPA.
- » Menyelaraskan isu-isu dasar pengurusan sumber manusia dengan agensi lain yang melibatkan fungsi-fungsi SPA.
- » Menjalankan kajian untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang melibatkan fungsi-fungsi SPA.
- » Menyelaraskan aturan urusan mesyuarat Parlimen di Dewan Negara dan Dewan Rakyat berkaitan fungsi SPA.
- » Menyelaraskan penyediaan maklumat dan data Laporan Tahunan SPA.

POLICY AND PLANNING DIVISION

- » *To plan and coordinate the implementation of PSC Strategic Plans.*
- » *To coordinate human resource management policy issues pertaining to PSC functions with other agencies.*
- » *To conduct studies to improve the quality of services involving PSC functions.*
- » *To coordinate arrangements for Parliamentary sessions in the Senate and the House of Representatives involving PSC functions.*
- » *To coordinate the provision of information and data for the PSC Annual Report.*

URUS SETIA CAWANGAN SABAH

- » Menguruskan urusan pengambilan pelatih Separa Perubatan bagi Negeri Sabah.
- » Menguruskan urusan perkhidmatan bagi anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan di Negeri Sabah.
- » Mengendalikan urusan peperiksaan Perkhidmatan Awam Malaysia dan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Kementerian/Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

URUS SETIA CAWANGAN SARAWAK

- » Menguruskan urusan pengambilan pelatih Separa Perubatan bagi Negeri Sarawak.
- » Menguruskan urusan perkhidmatan bagi anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan di Negeri Sarawak.
- » Mengendalikan urusan peperiksaan Perkhidmatan Awam Malaysia dan perkhidmatan yang diterapkan oleh Kementerian/Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

URUS SETIA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (SPKP)

Suruhanjaya Perkhidmatan yang melaksanakan fungsi sebagaimana termaktub di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan iaitu melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukarkan dan menjalankan kawalan tata tertib ke atas pegawai-pegawai bagi perkhidmatan di bawah bidang kuasanya iaitu Pegawai Undang-undang.

SABAH BRANCH SECRETARIAT

- » *Managing the recruitment of paramedical trainees for Sabah.*
- » *Managing service matters for Federal Public Service personnel in Sabah.*
- » *Handling matters pertaining to the examinations for Malaysian Public Services and other services prescribed by the ministries/Public Services Department of Malaysia.*

SARAWAK BRANCH SECRETARIAT

- » *Managing the recruitment of paramedical trainees for Sarawak.*
- » *Managing service matters for Federal Public Service personnel in Sarawak.*
- » *Handling matters pertaining to the examinations for Malaysian Public Services and other services prescribed by the ministries/Public Services Department of Malaysia.*

JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION SECRETARIAT

The Service Commission carries out its functions, as it is subject to, under Article 144 (1) of the Federal Constitution, i.e. to appoint, confirm, emplace in permanent or pensionable positions, promote, transfer and conduct disciplinary control over the officers for services under its jurisdiction, i.e. Legal Officers.






**PUSAT TEMU
DUGA
INTERVIEW
CENTRES**

PUSAT TEMU DUGA

SPA mempunyai 17 pusat temu duga untuk melancarkan urusan temu duga dan memberi keselesaan kepada calon. Pusat temu duga ini juga merupakan pusat sehenti yang berkeupayaan untuk menyalurkan maklumat kepada pelanggan seperti pelajar-pelajar sekolah, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Bagi memberi nilai tambah, pusat temu duga ini turut menjadi pusat rujukan bagi pelanggan dan orang awam mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh SPA. Antaranya, kemudahan permohonan jawatan secara dalam talian yang diberikan secara percuma. Pusat ini juga berperanan untuk memudahkan orang ramai mendapatkan panduan yang tepat mengenai jawatan yang bersesuaian berdasarkan kelayakan akademik melalui khidmat nasihat daripada pegawai bertugas. Panduan dan tatacara menghadiri temu duga anjuran SPA juga boleh didapati di pusat temu duga.






INTERVIEW CENTRES

The PSC has 17 interview centres to facilitate the process of interviews and for the convenience of the candidates. The interview centres also serve as one-stop centres that are able to channel information to the customers such as students from schools or public and private higher educational institutions as well as non-governmental organisations. For added value, the interview centres also serve as reference centres for customers and the public to access the services of the PSC. Among them is the online application facility that is provided free. These centres also play a role in facilitating the public in obtaining precise guidance regarding positions that are suitable for them based on their academic qualifications through the advisory service provided by officers on duty. Guidelines and procedure for attending interviews organised by the PSC can also be obtained at the interview centres.





PENCAPAIAN ACHIEVEMENT 2020

SEPINTAS LALU 2020

Seperti mana dimaklumi, pada tahun 2020, dunia telah dilanda wabak pandemik Covid-19 yang turut memberi kesan kepada penyampaian perkhidmatan. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) telah memberi kesan kepada penangguhan sesi temu duga, ujian fizikal, ujian bakat bahkan beberapa siri peperiksaan dalam talian.

2020 IN A GLANCE

In 2020, the world has been hit by the Covid-19 pandemic which also affects delivery of services. Execution of the Movement Control Orders (MCO) and Conditional Movement Control Order (CMCO) has given effect in the postponement of the interview session, physical tests, aptitude tests and even some series of online exam.

PERKARA / <i>ACTIVITY</i>	TARIKH / <i>DATE</i>
<p>Pelaksanaan PKP dan Penutupan Premis Kerajaan / <i>Implementation of MCO and closure of Government Premises</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Semua urusan temu duga, ujian fizikal, pancaindera dan kecergasan, ujian bakat, PAC dan peperiksaan atas talian ditangguhkan. / <i>All interview arrangements, physical, sensory and fitness tests, aptitude tests, PAC and online exams are postponed.</i> 	<p>15 Mac <i>March</i> - 12 Mei <i>May</i> 2020</p>
<p>Pelaksanaan PKPB / <i>Implementation of CMCO</i></p> <ul style="list-style-type: none"> SPA membuat persediaan Pusat Temu Duga berdasarkan keperluan norma baharu seperti susun atur dengan penjarakan fizikal. / <i>PSC prepares the Interview Center based on the requirements of new norms such as layout with physical distancing.</i> Peperiksaan atas talian kembali beroperasi bermula pada 3 Jun 2020. / <i>The online examination was resumed starting on 3 June 2020.</i> 	<p>4 Mei <i>May</i> - 9 Jun <i>June</i> 2020</p>
<p>Pelaksanaan PKPP / <i>Implementation of RMCO</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Penyediaan SOP Temu Duga dan Ujian Fizikal yang mendapat kelulusan MKN pada 18 Jun 2020. / <i>Preparation of SOP for Interview and Physical Test which is approved by MKN on 18 June 2020.</i> Ujian fizikal mula dilaksanakan mengikut SOP yang diluluskan pada 26 Jun 2020 melibatkan pengambilan Penolong Pegawai Penguatkuasa KP29 MAQIS. / <i>Physical test began to be implemented in accordance with the SOP approved on 26 June 2020 involving the recruitment of Assistant Enforcement Officer KP29 MAQIS.</i> Temu duga mula dilaksanakan semula pada 7 Julai 2020 bagi jawatan Perangkawan Gred E41 dan Jururawat Gred U41, serta pada 12 Julai 2020 bagi jawatan Pembantu Awam Gred H11. / <i>Interviews resumed on 7 July 2020 for the position of Statistician Grade E41 and Nurse Grade U41, as well as on 12 July 2020 for the position of Civil Assistant Grade H11.</i> Temu duga secara maya dalam persekitaran terkawal kali pertama diadakan pada 9 September 2020 sebagai pelaksanaan norma baharu. / <i>The first virtual interview in a controlled environment was held on 9 September 2020 as an implementation of the new norm.</i> 	<p>Bermula <i>Start from</i> 10 Jun <i>June</i> 2020</p>
<p>Pelaksanaan PKPB / <i>Implementation of CMCO</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Semua urusan temu duga ditangguhkan / <i>All interview matters are postponed</i> 	<p>14 - 27 Oktober <i>October</i> 2020</p>
<p>Pelaksanaan PKPB dengan kelonggaran / <i>Implementation of CMCO with flexibility</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Semua urusan diteruskan / <i>All business continues</i> 	<p>28 Oktober <i>October</i> - 31 Disember <i>December</i> 2020</p>

Walau pun dengan pelaksanaan PKP sepanjang tahun 2020, SPA tetap meneruskan pelbagai program lain yang telah dirancang dengan mengambil kira pematuhan terhadap SOP.

Even with the implementation of MCO throughout 2020, PSC still continue with various other programs that have been planned taking into account compliance with SOPs.

HIGH IMPACT PROGRAMME (HIP) 2020

Pembangunan Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9) *Development of the Public Services Commission of Malaysia Employment Registration System (SPA9)*

SPA9 merupakan borang pendaftaran permohonan pekerjaan dalam talian yang digunakan oleh pemohon bagi memohon pekerjaan bagi jawatan-jawatan lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA).

SPA9 is an online job application registration form used by applicants to apply for jobs for positions appointed by the Public Services Commission of Malaysia (PSC).

SPA9 merupakan penambahbaikan kepada sistem sedia ada iaitu SPA8i yang menekankan integrasi maklumat secara pintar daripada agensi-agensi rakan strategik SPA. Sistem ini telah dilancarkan pada 5 Oktober 2020.

SPA9 is an improvement on the existing system, SPA8i, which emphasizes the intelligent integration of information from PSC's strategic partner agencies. The system was launched on 5th October 2020.



**MAJLIS PELANCARAN
SISTEM PENDAFTARAN PEKERJAAN
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

SPA9
SISTEM PENDAFTARAN PEKERJAAN
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

5 OKTOBER 2020 (ISNIN)

**DEWAN DAMAR SARI 3, BLOK FB
PARCEL F, PUTRAJAYA**

PERASMIAN OLEH:
YBHO. TAN SRI ZAINAL RAHIM SEMAN
PENERUSI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Pembangunan Sistem MyAssessment


Sistem MyAssessment adalah sistem yang mengintegrasikan Sistem Ujian Kecergasan Fizikal (UFK), Sistem *Profession Assessment Center* (MyPAC), *Integrated Personal Assessment System* (iPass) dan Sistem Pengurusan Peperiksaan Berkomputer (SISPEK).

Sistem ini telah siap sepenuhnya dan digunakan bermula 22 September 2020.

MyAssessment System Development

MyAssessment System is a system that integrates the Physical & Fitness Testing System (UFDK), Profession Assessment Center System (MyPAC), Integrated Personal Assessment System (iPass) and Computerized Examination Management System (SISPEK).

The system has been fully completed and used since 22 September 2020.



SPA Vlog

Penyediaan video pendek yang memberi penjelasan mengenai isu-isu semasa berkaitan urusan SPA.

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 4 siri SPA Vlog telah berjaya disiarkan di platform media sosial SPA.

PSC Vlog

Preparation of short videos that provide an explanation of current issues related to PSC affairs.

Throughout 2020, a total of 4 PSC Vlog series have been successfully posted on PSC's social media platform.



PENTADBIRAN

Perpindahan Pejabat Baharu SPA di Blok F1, Kompleks F, Putrajaya

Ibu Pejabat SPA telah berpindah dari Blok C7, Kompleks C ke bangunan baharu di Blok F1, Kompleks F, Putrajaya mulai 2 Mac 2020 dan mula beroperasi secara rasmi pada 16 Mac 2020.



ADMINISTRATION

Relocation of PSC's New Office in Block F1, Complex F, Putrajaya

PSC Headquarters has moved from Block C7, Complex C to a new building in Block F1, Complex F, Putrajaya from 2 March 2020 and officially operated on 16 March 2020.



Perasmian Pusat Temu Duga SPA di Pulau Pinang

Pusat Temu Duga SPA di Pulau Pinang yang bertempat di UTC Pulau Pinang telah dirasmikan pada 29 September 2020.

Inauguration of PSC Interview Center in Penang

The PSC Interview Center in Penang located at UTC Penang was inaugurated on 29 September 2020.



Penyerahan Semula Bangunan Pusat Temu Duga SPA Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur kepada Kementerian Kesihatan Malaysia

Majlis penyerahan telah diadakan pada 7 Julai 2020.



Handover of the PSC Interview Center Building, Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur to the Ministry of Health Malaysia

The handover ceremony was held on 7 July 2020.



Penyerahan Pejabat SPA di Aras 6-10, Blok C7, Parcel C, Putrajaya kepada Jabatan Perangkaan Malaysia

Majlis penyerahan telah diadakan pada 9 November 2020.



Handover of PSC Office at Level 6-10, Block C7, Parcel C, Putrajaya to the Department of Statistics Malaysia

The handover ceremony was held on 9 November 2020.



URUSAN PERKHIDMATAN



Pewakilan Kuasa Kepada Ketua Jabatan Membuat Penentuan Gaji Permulaan bagi Pegawai Sedang Berkhidmat

Pekeliling SPA Bilangan 1 Tahun 2020 Panduan Penentuan Gaji Permulaan Bagi Pegawai Sedang Berkhidmat Yang Telah Disahkan Dalam Perkhidmatan dan Dilantik ke Jawatan Lain telah berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2020.

SERVICE MATTERS

Delegation of Authority to the Head of Department to Determine the Starting Salary for Serving Officers

PSC Circular No. 1 of 2020 Guidelines for Determining the Starting Salary for Serving Officers Who Have Been Confirmed in Service and Appointed to Other Positions has come into effect from 1 October 2020.



PEMATUHAN NORMA BAHARU

Pembangunan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelaksanaan Temu Duga dan Ujian Fizikal Bagi Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)

SOP ini telah berjaya dibangunkan dan diguna pakai bermula bulan Jun 2020.

COMPLIANCE WITH NEW NORMS

Development of Standard Operating Procedures (SOP) Implementation of Interviews and Physical Tests in Recovery Movement Control Order (PKPP)

This SOP has been successfully developed and adopted starting June 2020.




Pelaksanaan Temu Duga Secara Maya

SPA telah melaksanakan sesi temu duga secara maya buat pertama kali pada 9 September 2020. Pusat Temu Duga Putrajaya telah dilengkapi dengan 10 set peralatan temu duga maya manakala semua Pusat Temu Duga SPA yang lain dilengkapi dengan satu set.

Virtual Interview Implementation

